

**MAJLIS ANUGERAH TESIS TERBAIK YAYASAN NURUL YAQEEEN & PELANCARAN
BUKU "TRANSFORMASI PEMIKIRAN SARWAJAGAT (JILID KEDUA)"**

26/06/2014

THE ROYALE CHULAN, DAMANSARA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang
Yang Dipertua Dewan Negara

YBhg. Dato. Dr. Ismail Ibrahim
Pengerusi Eksekutif Akademik
Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen

Yang Berusaha Puan Nor Zanah Jamari
Pengarah Yayasan Nurul Yaqeen

Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Nurul Yaqeen

Ahli-Ahli Eksekutif Akademik Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen

Yang Berbahagia Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor dan Dekan-Dekan Pusat
Pengajian Siswazah

Ahli-ahli Akademik
Calon-calon anugerah tesis terbaik Yayasan Nurul Yaqeen

Dif-dif kehormat, saudara dan saudari yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya maka dapat kita laksanakan Majlis Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen dan Pelancaran Buku "Transformasi Pemikiran Sarwajagat (Jilid Kedua)" pada hari ini.

2. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Ahli-Ahli Eksekutif Akademik Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen, sidang editorial buku "Transformasi Pemikiran Sarwajagat" dan para penilai yang terlibat dalam menjayakan kedua-dua program ini.

3. Sejak sekian lama kita menyemai cita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah

negara maju yang dipacu oleh perkembangan ilmu pengetahuan serta teknologi. Saya percaya peranan para ilmuwan dan universiti dalam perkembangan ilmu adalah amat penting bukan sahaja melalui proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga menerusi penyelidikan, penulisan dan penerbitan.

4. Melalui kegiatan penyelidikan, penulisan dan penerbitan tesis serta buku ilmiah sesebuah universiti dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam masyarakat yang menjadi kayu pengukur kekuatan sesebuah negara. Penghasilan bahan-bahan ilmiah ini akan mencetuskan transformasi pemikiran yang dapat dimanfaatkan bukan sahaja oleh warga universiti, tetapi oleh penggubal dasar, pihak industri, para ilmuan, dan penyelidik tempatan mahupun antarabangsa.

5. Para graduan di negara kita telah menghasilkan ribuan tesis berkualiti di peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD). Tesis-tesis yang telah dihasilkan itu sudah pasti merupakan khazanah penting yang sangat bernilai dalam usaha negara kita untuk meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat. Saya percaya hasil penulisan serta penerbitan yang telah diusahakan ini tidak akan terabai begitu sahaja. Sebaliknya, ia boleh digunakan sebagai bahan rujukan serta panduan oleh para penyelidik untuk meneruskan usaha ke arah peningkatan dan perkembangan ilmu di negara kita.

6. Saya percaya tesis-tesis berkualiti yang dihasilkan akan mencetuskan idea dan teori baharu yang boleh dijadikan model perancangan pembangunan dan pengurusan negara. Atas kesedaran inilah maka saya sebagai Pengerusi Yayasan Nurul Yaqeen berasa terpenggil untuk mewujudkan anugerah tesis terbaik menerusi yayasan ini. Kita sedar bahawa usaha gigih dan sumbangan besar para siswazah dalam menjalankan penyelidikan ilmiah untuk menghasilkan tesis peringkat ijazah sarjana atau PhD perlu diberikan pengiktirafan yang sewajarnya.

7. Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen adalah satu anugerah yang unik kerana syarat utama tesis-tesis yang terpilih untuk dicalonkan bagi menerima anugerah ini mestilah melibatkan penyelidikan yang berasaskan pandangan sarwajagat Islam atau al-tasawwur al-Islami. Namun, ini tidaklah bermakna fokus penyelidikan tesis hanya tertumpu kepada isu dalam pengajian Islam. Penyelidikan-penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi, sains sosial dan kemanusiaan juga turut diambil kira untuk dicalonkan, asalkan penulisan serta penyelidikan tersebut mengandungi ciri-ciri yang berkaitan dengan pandangan sarwajagat Islam.

8. Selain daripada usaha mewujudkan Anugerah Tesis Terbaik, usaha menerbitkan tesis-tesis yang berkualiti ini juga penting. Penerbitan tesis-tesis ini akan membolehkan hasil penyelidikan para siswazah kita disebar luas dan dimanfaatkan oleh para penggubal dasar, sektor swasta dan masyarakat. Saya mengucapkan syabas kepada pihak pengurusan

Yayasan Nurul Yaqeen kerana telah berjaya menerbitkan tesis-tesis tersebut melalui penerbitan sulung yang berjudul "Transformasi Pemikiran Sarwajagat" pada tahun lepas. Pada kali ini Jilid Kedua menyusul dengan pelbagai isu menarik untuk dikongsi hasil sumbangan pemenang dan finalis anugerah tesis tahun 2013.

9. Dengan terbitnya Jilid Kedua buku ini, setiap siswazah peringkat ijazah tinggi, penyelidik serta para pembaca diharap dapat membuat rujukan sama ada untuk membantu penyelidikan mereka ataupun meluaskan skop pembacaan dan pengetahuan. Saya amat berharap agar segala hasil penemuan, perbincangan dan perdebatan yang dijanakan dalam buku ini akan menyemarakkan lagi usaha mengangkat martabat ilmu, khususnya ilmu yang berteraskan pandangan sarwajagat Islam.

10. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen dan para penilai tesis serta editor buku "Transformasi Pemikiran Sarwajagat (Jilid Kedua)". Kepada calon-calon yang telah disenarai pendek untuk Anugerah Tesis Terbaik saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah. Teruskanlah usaha anda untuk bersama-sama Yayasan Nurul Yaqeen memartabatkan kecemerlangan penyelidikan, penulisan dan penerbitan berteraskan pemikiran sarwajagat Islam.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen dan melancarkan buku "Transformasi Pemikiran Sarwajagat (Jilid Kedua)".

Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.